

# PPV IPT UMS ditangguh sehingga 2 Julai 2021

Oleh Yap Siong Han

UB 27.06.2021 P. 02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengumumkan penangguhan operasi Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pengajian Tinggi-Universiti Malaysia Sabah (PPV IPT UMS).

Penolong Naib Canselor (STRATEGIK) merangkap Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS Prof Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim berkata, penangguhan itu akan bermula pada 28 Jun ini sehingga 2 Julai 2021.

“Penghentian operasi



**MOHD RAHIMIE**

ini disebabkan faktor luar kawalan UMS. Sepanjang

tempoh berkenaan, tiada suntikan vaksin COVID-19 akan diberikan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, operasi PPV IPT-UMS dijangka akan disambung semula pada 5 Julai 2021.

Katanya, pengurusan UMS akan memaklumkan perkembangan terkini mengenai operasi PPV IPT-UMS dari semasa ke semasa.

“Sebarang pertanyaan mengenai PPV IPT-UMS boleh dikemukakan dengan menghubungi Hotline PPV IPT-UMS di nombor telefon 088-329 200,” katanya.